

NO.SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tarikh bila laporan Suruhajaya Siasatan Diraja ke atas isu Pendatang Tanpa Izin di Sabah akan dibentangkan di Parlimen dan apakah sebabnya pembentangan ini telah ditundakan sekian lama.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI Sabah) yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telahpun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersesembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada **14 Mei 2014** selaras dengan Tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan selesai diadakan. Dalam hubungan ini, tidak timbul isu berkaitan kelewatian laporan tersebut disediakan oleh pihak Suruhanjaya.

Sehubungan dengan itu, dengan penyerahan laporan tersebut kepada pihak Kerajaan maka segala usul atau cadangan yang telah dikemukakan di dalam laporan tersebut kini terserah kepada budi bicara Kerajaan untuk mempertimbangkan serta melaksanakannya termasuk untuk membenarkannya menjadi tatapan umum.

Sekian. Terima kasih.